



Anggota Maritim Malaysia merampas bubu naga di barat daya Pantai Teluk Malas, Penaga, petang kelmarin.
(Foto ihsan Maritim Malaysia)

BH 8 Nov 2021, M5:13

30 bubu naga dirampas

Georgetown: Agensi Pengawas Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) merampas 30 bubu naga dekat Penaga di sini.

Rampasan dilakukan ketika rondaan Op Pertiwi pada kedudukan kira-kira 0.8 batu nautika barat daya Pantai Teluk Malas, Penaga pada jam 4.40 petang kelmarin.

Pengarah Maritim Malaysia (Pulau Pinang), Kapten Maritim Abd Razak Mohamed, berkata anggota mengesan pelampung penanda yang mencurigakan di

dua lokasi di perairan itu.

Nilai rampasan RM3,600

Katanya, menerusi pemeriksaan berjaya menemukan 30 bubu naga yang dipasang individu tidak bertanggungjawab.

“Semua bubu naga yang dirampas itu dianggarkan bernilai RM3,600.

“Barangan yang dirampas dibawa ke Jeti Pasukan Polis Marin Batu Uban bagi tindakan lanjut,” katanya semalam.

Abd Razak berkata, pengguna-

an bubu naga diharamkan kerana merosakkan ekosistem marin dan menjaskan sumber pendapatan nelayan lain.

Katanya, pemilik bubu naga boleh didakwa mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan dengan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan.

“Jika disabit kesalahan, individu itu boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya.